

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 8 MEI 2007, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 3

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1141-L2095
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana pendekatan yang telah diambil bagi membendung perbuatan salah laku di kalangan kakitangan Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan setakat ini, berapa banyak kes penyalahgunaan kuasa dan rasuah yang membabitkan kakitangan BPR yang telah dikenakan tindakan undang-undang.
2. PN-1141-L2180
Ir. Hiang A Li minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian dalam usaha menangani kesan pemanasan global terhadap laporan yang dikeluarkan oleh IPCC (Panel Antara Kerajaan Mengenai Perubahan Iklim) yang menyatakan kesan dari pemanasan global memungkinkan pupusnya 30 peratus daripada spesies tumbuhan dan haiwan sekiranya suhu meningkat antara 1.5 hingga 2.5 darjah Celsius.
3. PN-1141-L2853
Tuan Ismail bin Kasim minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah konsep pembangunan serta perancangan yang akan diguna pakai oleh Kerajaan dalam memastikan Projek Pembangunan Koridor Utara ini setanding dengan projek koridor yang lain.
4. PN-1141-L2610
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik kaum India yang telah mendapat pinjaman dari Bank SME dan jumlah pinjaman yang diluluskan.

5. PN-1141-L2604
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah alasan DBKL mengenakan syarat baru di kawasan persekitaran Istana Negara yang baru di Jalan Duta tidak boleh dibina bangunan melebihi 30 tingkat dari jarak 1/2 batu sedangkan di kawasan persekitaran Istana Negara yang sedia ada tidak ada kawalan had ketinggian. Adakah adil bagi pemaju swasta yang telah melabur ratusan juta ringgit akan kerugian akibat syarat baru ini.
6. PN-1141-L2159
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sebabnya Kementerian campur tangan dalam meluluskan visa pelajar antarabangsa yang semakin melewati proses kemasukan pelajar-pelajar asing ini.
7. PN-1141-L2826
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan Kementerian di dalam menangani isu pengemis yang berleluasa di kawasan masjid dan juga tempat-tempat awam di mana ianya kelihatan seperti dirancang oleh sesuatu sindiket.
8. PN-1141-L2292
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perolehan perbandingan statistik tenaga pekerja tempatan dengan pekerja asing di industri perhotelan dan anggaran fokus keperluan tenaga pekerja dalam tempoh 5 tahun mendatang.
9. PN-1141-L2432
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang diusahakan bagi mencapai matlamat dasar liberalisasi kewangan serta kejayaan membawa masuk pelaburan dana asing ke dalam Malaysia bagi membantu pertumbuhan ekonomi negara.
10. PN-1141-L2682
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik yang merangkumi jumlah plaintif wanita yang memfailkan permohonan cerai (fasakh) di seluruh negara dan status tertunggak kepada permohonan cerai tersebut.
11. PN-1141-L2637
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan potensi sistem kewangan berlandaskan muamalat dan sama ada suatu indeks khusus bakal diadakan untuk pelaburan mematuhi prinsip syariah.
12. PN-1141-L2887
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jikalau dilihat kutipan tol di lebuhraya yang lama-kelamaan telah menunjukkan keuntungan, tidakkah Kerajaan bercadang untuk mengurangkan kos kutipan tol ini agar selaras dengan slogan mesra rakyat.

13. PN-1141-L2271
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapa ramai peminjam yang ingkar membayar balik pinjaman PTPTN sedang berkhidmat di jabatan, agensi Kerajaan dan syarikat-syarikat GLC dan bagaimana majikan mereka dapat menolong menyelesaikan hutang ini.
14. PN-1141-L2512
Puan Mumtaz binti Md. Nawi minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) bilangan sekolah atau satu jantina yang ada di seluruh negara dan adakah bilangannya kian bertambah dan bagaimanakah sambutan kemasukan pelajar serta prestasi pembelajaran pelajarinya; dan
 - (b) apakah polisi dan syarat Kementerian untuk menggalakkan penubuhan sekolah seperti ini untuk mengurangkan masalah sosial antara jantina.
15. PN-1141-L2224
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian tentang penyalahgunaan "Sultan Red", ubat kimia yang digunakan dalam bidang ternakan telur ayam dan itik.
16. PN-1141-L2675
Tuan Tan Bon You minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan telah menerima Kertas Cadangan Pembinaan Kereta Api Laju dari Kuala Lumpur ke Singapura dan adakah Kerajaan telah bersetuju tentang projek ini serta berikan penjelasan terhadap sebab-sebab setuju atau tidak bersetuju projek tersebut dilaksanakan.
17. PN-1141-L2059
Dato' Gooi Hoe Hin minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejak tertubuhnya Jabatan Keselamatan Jalan Raya serta kempen-kempen iklan yang begitu berleluasa tentang keselamatan jalan raya, adakah kadar kemalangan jalan raya telah menurun atau masih meningkat.
18. PN-1141-L2716
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah sebarang pelaburan saham melalui internet yang menjamin keuntungan secara tetap yang ditawarkan oleh "Swiss Cash Mutual Fund" haram bagi orang yang beragama Islam; dan
 - (b) berlandaskan Islam apakah pelaburan saham melalui internet itu mengandungi unsur riba dan gharar (keraguan).

19. PN-1141-L2740
Tuan Maijol bin Mahap minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan langkah-langkah membendung tindakan para pemandu teksi di seluruh bandar di Malaysia yang sengaja menaikkan tambang teksi dan memalsukan meter teksi.
20. PN-1141-L2533
Dato' Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah cabaran-cabaran yang akan dihadapi oleh IPTA apabila Modul Keusahawanan iaitu subjek Asas Pembudayaan Keusahawanan ini dijadikan mata pelajaran wajib bagi setiap pelajar.
21. PN-1141-L2334
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah pihak polis boleh memasuki kawasan sekolah dan menyaman murid sekolah sedangkan masa itu, motosikal berada di tempat letak motosikal, maksudnya motosikal tidak bergerak atau dipandu murid-murid tersebut dan kenapakah tindakan tidak diambil terhadap lori-lori balak dan kenderaan perdagangan lain semasa lori-lori tersebut berhenti di tepi jalan apabila mengetahui ada pihak penguatkuasaan di hadapan, serta apakah perbezaan antara motosikal yang berhenti tanpa dipandu dengan lori-lori yang berhenti tanpa dipandu.
22. PN-1141-L2034
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah perancangan kreatif Kementerian untuk menjayakan MAYANG seperti yang disebut oleh YAB. Perdana Menteri dalam bajet 2007.
23. PN-1141-L2360
Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk memperhebatkan bantuan kepada negeri Sarawak di dalam 'flood mitigation and coastline protection' dan apakah kajian menyeluruh telah dibuat memandangkan persisiran pantai Sarawak begitu panjang.
24. PN-1141-L2017
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan kesan negatif dan positif apabila dilaksanakan Akta Pembangunan Belia 2006 yang mana pemimpin Persatuan Belia adalah di kalangan belia yang berumur tidak melebihi 40 tahun dan apakah pelan serta strategi Kerajaan agar negara tidak ketandusan pemimpin muda yang berbakat serta berwibawa di dalam menerajui persatuan ini.

25. PN-1141-L2865
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah logiknya negara kita mengimport lebih RM12 bilion bahan makanan setahun dan binatang hidup bernilai RM190 juta setahun, daging dan sediaan daging (RM834 juta), sayur-sayuran (RM1.2 bilion) dan buah-buahan (RM550 juta). Apakah ini sebahagian daripada hasil "contract farming" pemodal Singapura memanfaatkan kedudukannya sebagai pasar bebas dalam erti kata yang sebenar.
26. PN-1141-L2286
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah keistimewaan yang membezakan Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) dengan pusat pertumbuhan dunia yang lain seperti Dubai, Shenzen dan Banglore dan apakah perancangan utama di kawasan NODE I wilayah tersebut, siapakah pelabur utamanya (master investors) dan adakah pelabur tempatan khususnya bumiputera akan diberi peluang yang adil untuk turut bersaing.
27. PN-1141-L2491
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah pandangan Kerajaan terhadap kedudukan universiti tempatan yang semakin merosot dalam ranking universiti-universiti sedunia. Namakan universiti-universiti yang terlibat dan bilangan kakitangan yang menghadiri pameran "Geneva International Exhibition and Invention 2007", berapakah kos terlibat serta apakah objektifnya.
28. PN-1141-L2605
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kelebihan dari segi peningkatan dalam taraf sosio-ekonomi penduduk Pantai Barat dengan terbinanya Lebu Raya Pantai Barat jika berbanding dengan kos pembinaannya.
29. PN-1141-L2287
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan ekoran daripada kejadian tanah runtuh di Putrajaya baru-baru ini, setakat manakah kemampuan JKR untuk memantau dan mengawal tanah-tanah cerun di kawasan perumahan dan apakah 'standard of procedure' (SOP) yang digunakan. Serta nyatakan kawasan perumahan di tanah cerun atau yang berdekatan dengannya yang tersenarai sebagai kawasan berbahaya oleh JKR.
30. PN-1141-L2272
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menambah lebih ramai pelajar lelaki di IPTA dan IPTS.

31. PN-1141-L2494
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian mengiktiraf semua kursus yang dikeluarkan oleh Universiti Tuanku Abdul Rahman dan Kolej Tuanku Abdul Rahman. Berapakah bilangan pelajar mengikut kaum di universiti tersebut.
32. PN-1141-L2223
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah ibu tunggal, orang kurang upaya (OKU) dan warga emas di kalangan orang asli yang telah menerima bantuan sejak 2003 hingga Mac 2007.
33. PN-1141-L2465
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kes ragut, yang menggunakan senjata dan mengakibatkan maut yang berlaku dari tahun 2004 hingga kini mengikut negeri dan jumlah kes ini yang dapat diselesaikan dan apa langkah-langkah yang lebih efektif yang diguna dan dirancang supaya kes ragut dapat dikurangkan melebihi 50%.
34. PN-1141-L2635
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kebaikan sistem Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) dan Faedah Pencen Bersara (FPB) kepada kakitangan awam dan bagaimana ianya telah meningkatkan kecekapan penjawat awam dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.
35. PN-1141-L2467
Tuan Lee Sing Chooi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peratusan projek Kerajaan yang kini dipantau melalui SPP 2 dan ITIS dan untuk projek-projek yang menggunakan sistem tersebut, berapa peratusan telah lewat 1 bulan atau lebih dilaporkan bagi projek-projek yang dilaporkan itu, berapa peratusan yang mencapai keberkesanan kos dan impak seperti yang diperuntukkan serta, berapa peratusan pula yang tidak mencapai sasaran.
36. PN-1141-L2096
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh mana merebaknya dakyah dan pembohongan fakta dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang dilakukan oleh golongan tertentu terhadap pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri bertujuan untuk menanam rasa benci mereka kepada Kerajaan pimpinan YAB. Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi.
37. PN-1141-L2882
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan mengapa Kerajaan membelanjakan RM400,000 bagi membina sebuah tandas pintar di kawasan Bukit Bintang, Kuala Lumpur.

38. PN-1141-L2187
Tuan Chiw Tiang Chai minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian masih melakukan penyelidikan sama ada Penggunaan Penilaian Impak Sosial (PIS) relevan dalam konteks Malaysia kerana hampir dua tahun yang lalu, Kerajaan pernah menyatakan mahu mempertimbangkan penggunaan Penilaian Impak Sosial (PIS) di dalam kesemua projek pembangunan hari ini.
39. PN-1141-L2434
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan bagi menerap nilai-nilai murni di kalangan kakitangan Kerajaan bagi mengelakkan berlakunya perkara yang boleh menjatuhkan maruah Kerajaan seperti mengambil contoh rasuah serta skandal-skandal yang melibatkan pegawai kanan Kerajaan.
40. PN-1141-L2595
Puan Heng Seai Kie minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah sebarang pelan tindakan kecemasan dirancang untuk menghadapi kecemasan sekiranya berlaku wabak penyakit berjangkit di suatu daerah, di mana kemudahan perubatan perlu ditingkatkan segera dengan notis yang singkat.
41. PN-1141-L2070
Dato' Gooi Hoe Hin minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan apakah program ataupun rancangan-rancangan yang sedang atau akan dilaksanakan supaya dasar-dasar Kerajaan dapat disebarkan serta dijelaskan dengan seluas-luasnya kepada rakyat.
42. PN-1141-L2407
Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana kakitangan Jabatan Perdana Menteri diberi kefahaman mengendalikan Modul Bina Upaya Modal Insan.
43. PN-1141-L2321
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapakah guru yang menyertai kursus, seminar atau bengkel sama ada anjuran Kementerian mahupun jabatan tidak dibenarkan membuat tuntutan perjalanan kenderaan mengikut perbatuan selain dibayar kemudahan mengikut tambang bagi satu tempat duduk dalam teksi sahaja.
44. PN-1141-L2380
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr) Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan sejauh mana persediaan BERNAMA TV untuk mempunyai saluran televisyennya sendiri bagi membolehkan liputan yang meluas.

45. PN-1141-L2121
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah mekanisme bagi memantau kualiti dan juga pengurusan rumah-rumah tumpangan / 'budget motel', bagi mengelakkan daripada berlakunya kejadian yang boleh memburukkan imej industri hotel / pelancongan negara.
46. PN-1141-L2228
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah peruntukan pengurusan pembayaran pendidikan dan latihan serta tunggakan yang belum dijelaskan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) kepada kontraktor pengangkutan dan bayaran bantuan pelajar sekolah dari tahun 2004-2006. Apakah langkah yang telah diambil bagi mengatasi keadaan ini.
47. PN-1141-L2518
Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah pihak Kementerian tidak bercadang untuk memansuhkan 'Emergency' (Essential Powers) Act 1979 dan kesemua perundangan serta peraturan yang termaktub di dalam akta tersebut.
48. PN-1141-L2871
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perbandingan perbezaan serta keistimewaan skim tangga gaji perkhidmatan Hakim Mahkamah Sivil dengan skim perkhidmatan Hakim Mahkamah Syariah dan jumlah hakim-hakim kedua-dua perkhidmatan dan jumlah kekosongan serta jumlah beban tunggakan kes yang belum diselesaikan mengikut negeri sehingga April, 2007 bagi kedua-dua perkhidmatan.
49. PN-1141-L2410
Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana platform urus niaga syariah yang membolehkan emas digunakan dalam urus niaga supaya dapat mencegah susut nilai dan penyusutan nilai mata wang asing.
50. PN-1141-L2565
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada bekas pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) diberi keutamaan apabila mereka memohon sebarang jawatan dalam Jabatan Perkhidmatan Awam.
51. PN-1141-L2507
Puan Mumtaz binti Md. Nawi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mewajibkan pakaian menutup aurat kepada kakitangan awam yang beragama Islam termasuk Ahli Parlimen di dalam acara rasmi selaras dengan tuntutan Islam sebagaimana telah dilaksanakan oleh polis wanita PDRM.

52. PN-1141-L2832
Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah peminjam PTPTN yang tidak membayar balik pinjaman dan apakah bentuk tindakan yang akan diambil terhadap peminjam-peminjam yang tidak membayar pinjaman tersebut.
53. PN-1141-L2359
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan belia yang merupakan modal insan yang penting dalam ekonomi yang berlandaskan sumber pengetahuan, apakah rancangan Kerajaan untuk terus memperkasakan golongan belia di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 supaya modal insan yang berkualiti mampu dilahirkan.
54. PN-1141-L2028
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah perubahan dari sudut penambah baikkan bidang kuasa, struktur, undang-undang dan perkembangan Biro Pengaduan Awam yang pada ketika ini tidak bermaya dari sudut penguatkuasaan.
55. PN-1141-L2213
Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah kementerian dalam menangani "trend" pengambilan pekerja asing oleh majikan di Malaysia yang menyekat peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dan perlukah Kementerian memfokuskan kepada pengambilan pekerja asing daripada golongan profesional sahaja.
56. PN-1141-L2766
Tuan Chua Kim Chuan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) bilangan Ketua Jabatan Kerajaan di peringkat pusat, negeri dan daerah yang diketuai oleh kaum Melayu, kaum Bumiputera lain, Cina dan kaum lain; dan
 - (b) apakah kriteria-kriteria utama untuk dinaikkan pangkat menjadi Ketua Jabatan dan bagaimana pula dengan purata usia bagi kenaikan pangkat sebagai Ketua Jabatan mengikut kaum yang tersebut tadi.
57. PN-1141-L2786
Dato' Azian bin Osman minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh JAKIM bagi memastikan standard halal negara dipantau secara telus seterusnya menjamin standard Halal Hub negara.
58. PN-1141-L2214
Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah strategi Kementerian untuk memantau aktiviti dakwah dan penyebaran agama lain di kalangan orang Islam yang jelas bercanggah dengan Artikel 11(4) Perlembagaan Persekutuan.

59. PN-1141-L2787
Dato' Azian bin Osman minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah mata pelajaran dan kegiatan kokurikulum berkaitan bioteknologi akan diperkenalkan di peringkat sekolah bagi menerapkan minat para pelajar serta sebagai persediaan awal sebelum ke pusat pengajian tinggi.
60. PN-1141-L2146
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan usaha-usaha Kementerian yang telah dilaksanakan setakat ini untuk memperkasakan sekolah-sekolah kebangsaan dan jumlah perbelanjaan sehingga akhir bulan Mac 2007.
61. PN-1141-L2179
Ir. Hiang A Li minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak Kementerian dalam usaha untuk mempromosikan penggunaan sumber air bawah tanah sebagai sumber air bersih, memandangkan kadar penggunaan sumber air bawah tanah ketika ini hanyalah 10 peratus dan kos pemprosesan air bawah tanah lebih rendah daripada kos memproses air sungai.
62. PN-1141-L2677
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sama ada benar atau tidak bahawa Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan mengadakan latihan ketenteraan bersama Peoples Liberation Army (PLA) dari Negara China dan apakah motif dan manfaat daripada program ini.
63. PN-1141-L2715
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai pencerobohan nelayan asing di perairan Sabah baru-baru ini, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan perairan negara khususnya di negeri Sabah bebas daripada pencerobohan nelayan asing dari Negara China dan Vietnam.
64. PN-1141-L2133
Datuk Chew Vun Ming minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian dalam menyelesaikan masalah kanak-kanak kecil dan liar yang berkeliaran serta mengemis di Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah di mana secara tidak langsung kehadiran mereka ini banyak mendatangkan masalah kepada orang ramai serta para pelancong asing.
65. PN-1141-L2572
Tuan Rawisandran a/l Narayanan minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan usaha-usaha yang diambil oleh Kementerian untuk melibatkan masyarakat tempatan dalam program promosi Tahun Melawat Malaysia 2007.

66. PN-1141-L2724
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan cadangan Menteri dalam melaksanakan cadangan untuk mengenakan bayaran bagi orang ramai yang memandu secara bersendirian ketika memasuki pusat Bandar Raya Kuala Lumpur sebagai langkah untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di ibu negara.
67. PN-1141-L2378
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr) Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan status terkini pembalakan haram di Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang, Kelantan.
68. PN-1141-L2683
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah Kementerian telah mengkaji nasib yang menimpa negara Chile, Uruguay, Cameroon, Kenya, Nigeria, Uganda dan Zambia di mana rakyatnya telah kehilangan pekerjaan di sektor perkilangan akibat pengurangan tarif setelah menandatangani FTA. Korea Selatan telah membenarkan import sebanyak USD 19 bilion dari Amerika Syarikat setelah FTA ditandatangani baru-baru ini dan adakah kita juga mampu menerima import sebanyak itu apabila FTA dilaksanakan kelak.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh YB Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** dan masalah dicadangkan:-

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kesebelas.”

Menyambung semula Perbahasan atas masalah [7 Mei 2007]

2.	(D.R. 25/2006)	Rang Undang-undang Pusat Jagaan (Pindaan) 2006	Bacaan Kali Yang Kedua
3.	(D.R. 44/2006)	Rang Undang-undang Industri Biobahan Api Malaysia 2006	“
4.	(D.R. 5/2007)	Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2006) 2007	“
5.	(D.R. 27/2006)	Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006	“
6.	(D.R. 28/2006)	Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas)(Pindaan) 2006	“
7.	(D.R. 38/2006)	Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2006	“
8.	(D.R. 37/2006)	Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2006	“
9.	(D.R. 36/2006)	Rang Undang-undang Persatuan Nelayan (Pindaan) 2006	“
10.	*(D.R. 30/2006)	Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (Pindaan) 2006	“
11.	*(D.R. 33/2006)	Rang Undang-undang Hak milik Anak Negeri Labuan 2006	“

12.	*(D.R. 52/2006)	Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2006	Bacaan Kali Yang Kedua
13.	*(D.R. 2/2007)	Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2007	“
14.	*(D.R. 3/2007)	Rang Undang-undang Pelindungan Pengguna (Pindaan) 2007	“
15.	*(D.R. 4/2007)	Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2007	“
16.	*(D.R. 7/2007)	Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang 2007	“
17.	*(D.R. 8/2007)	Rang Undang-undang Keadilan Jenayah (Pindaan) 2007	“
18.	*(D.R. 9/2007)	Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Peluasan) 2007	“
19.	*(D.R. 39/2006)	Rang Undang-undang Biokeselamatan 2006	“
20.	*(D.R. 1/2007)	Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2007	“
21.	*(D.R. 6/2007)	Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2007	“

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.

22. PN-1141-U2092

Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin akan mencadangkan:-

"Bahawa, Ahli-ahli Dewan yang mulia ini menjunjung kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong semasa berangkat membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kesebelas yang telah menghargai Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat dalam menerajui tampuk perundangan negara;

Menyedari, seruan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong supaya Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat membuktikan kesetiaan kepada Raja dan Negara dengan menjalankan segala tugas dan kewajipan, di luar mahupun di dalam Dewan yang mulia ini dengan penuh kewibawaan dan integriti;

Maka, Dewan yang mulia ini membuat satu ketetapan supaya lagu "Negaraku" dimainkan dan dinyanyikan beramai-ramai oleh Ahli-ahli Dewan Negara termasuk pegawai-pegawai yang hadir pada setiap kali selepas bacaan doa pada setiap hari Dewan bersidang; dan ketetapan ini juga hendaklah dipanjangkan kepada Dewan Rakyat."

(Perdana Menteri)

23. PN-1141-U2323

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan segera memberikan perhatian dan bantuan yang serius terhadap nasib pekerja-pekerja Malaysia yang terkandas dan tertipu di Singapura. Tindakan tegas mestilah diambil terhadap agensi-agensi pekerjaan khususnya yang beroperasi di Malaysia. Kerajaan juga perlu mengujudkan perjanjian dua hala yang lebih ketat mengenai pengambilan pekerja-pekerja Malaysia ke Singapura."

(Menteri Luar Negeri)

24. PN-1141-U2325

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mengambil langkah segera untuk menyelamatkan 50 Institusi Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) bumiputera yang nyawa-nyawa ikan sedangkan 700 buah lagi telah pun gulung tikar. Masalah seperti kesukaran mendapatkan pembiayaan pelajar, kekurangan pelajar, saingan daripada Institusi Latihan Awam (ILA) dan dasar yang tidak jelas sejak 2003 masih menghantui masa depan ILKS bumiputera ini."

(Menteri Sumber Manusia)

25. PN-1141-U2327

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan bertindak tegas terhadap stesen penyiaran swasta yang gagal memenuhi garis panduan penyiaran yang menetapkan sekurang-kurangnya 60% program adalah dalam Bahasa Kebangsaan. Ia adalah isu lama yang berlarutan yang berkait rapat dengan isu komitmen, penguatkuasaan dan pertindihan tanggungjawab."

(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)

26. PN-1141-U2329

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mengharamkan sebarang program realiti yang pemenangnya ditentukan semata-mata oleh undian SMS. Ternyata program seumpama ini hanya bertujuan untuk mengeksploitasi orang ramai yang berbelanja secara membazir. Ia bukan sahaja gagal melahirkan pemenang yang berkualiti tetapi mengujudkan budaya yang salah dalam melahirkan idola yang sepatutnya dicontohi oleh generasi muda."

(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2007</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.42	Akta Jalan Persekutuan 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Persimpangan Bertingkat Hospital Sungai Buloh) (Pindaan) 2007	8 Mei 2007
ST.43	Akta Jalan Persekutuan 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Persimpangan Bertingkat Bukit Rimau) 2007	8 Mei 2007
ST.76	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Sekuriti Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	8 Mei 2007
ST.95	Pinjaman Daripada Japan Bank For International Cooperation (JBIC) Bagi Projek Higher Education Loan Fund (HELP III)	8 Mei 2007
ST.119	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	8 Mei 2007
CMD.1	Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Bagi Tahun 2005	8 Mei 2007
CMD.3	Maritime Labour Convention 2006 Yang Diterima Di Persidangan Buruh Antarabangsa (International Labour Conference (ILC) Sesi Ke-94, Februari 2006	8 Mei 2007